



**PERMOHONAN SKIM INSENTIF PEMBIAYAAN TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT (TSPKS 2.0)**

**A) BUTIR-BUTIR PEMOHON**

Nama:

No Kad Pengenalan:  Tarikh Lahir :

Alamat Kediaman:

Poskod:

No Telefon:  No Telefon 2:

Alamat Surat Menyurat:

Poskod:

Emel:

Jantina:  Lelaki  Perempuan

Taraf Perkahwinan:  Bujang /  Berkahwin /  Duda /  Janda

\*Sila isi bahagian **Maklumat Suami/Isteri** untuk pemohon yang telah berkahwin

Kumpulan Etnik:  Melayu /  Cina /  India /  Lain-lain (nyatakan):

Agama:  Warganegara :

Pekerjaan:  Bekerja sendiri (Nama perniagaan) :

Bergaji (Nama majikan) :

Sektor Pekerjaan :

**\*MAKLUMAT SUAMI/ISTERI (untuk diisi bagi yang berkahwin)**

Nama Suami/Isteri:  Bil. Tanggungan:

No Kad Pengenalan:  No. Telefon:

Pekerjaan:  Bekerja sendiri (Nama perniagaan) :

Bergaji (Nama majikan) :

**BUTIR-BUTIR PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BULANAN**

1 . Pendapatan Individu	<input type="text"/>	1 . Perbelanjaan Keluarga	<input type="text"/>
2 . Pendapatan Suami/Isteri	<input type="text"/>	2 . Cukai/KWSP/Insuran	<input type="text"/>
3 . Lain-lain Pendapatan	<input type="text"/>	3 . Sewa Rumah	<input type="text"/>
4 . _____	<input type="text"/>	4 . Bayaran Pembiayaan	<input type="text"/>
5 . _____	<input type="text"/>	5 . Persekolahan Anak-anak	<input type="text"/>
6 . _____	<input type="text"/>	6 . _____	<input type="text"/>
7 . _____	<input type="text"/>	7 . _____	<input type="text"/>
Jumlah A :	<input type="text"/>	Jumlah B :	<input type="text"/>
Pendapatan Bersih (Jumlah A - Jumlah B) : <input type="text"/> RM			

**HARTA DAN TANGGUNGAN (RM)**

Harta		Milik Pemohon	Milik Suami/Isteri
Tanah dan Bangunan			
Kenderaan			
Simpanan			
Saham			
Lain-Lain			
		<b>JUMLAH X1:</b>	<b>X2:</b>
Tanggungan/Penjamin		Milik Pemohon	Milik Suami/Isteri
Pembiayaan Bank			
		<b>JUMLAH Y1:</b>	<b>Y2:</b>
<b>Nilai Bersih Harta</b>		<b>X1-Y1:</b>	<b>X2-Y2:</b>

**B) MAKLUMAT TANAH YANG TELAH DITANAM SAWIT (Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)**

Bil.	Perkara	Tanah 1	Tanah 2	Tanah 3
1.	No Geran/No Hakmilik*			
2.	Jenis Hakmilik Tanah**			
3.	No Lot			
4.	Mukim			
5.	Daerah			
6.	Negeri			
7.	Dun			
8.	Parlimen			
9.	Syarat nyata guna tanah			
10.	Luas (ha)			
11.	No lesen MPOB			
12.	Tahun sawit ditanam			
13.	Jumlah luas agregat pemilikan tanah bertanam sawit (Rujuk semua lesen MPOB yang dimiliki): _____ Hektar			

**NOTA:**

\* Bagi tanah warisan/tanah perkongsian perlu sertakan dokumen perjanjian/persetujuan serah kuasa pengurusan tanah. (Dokumen perlu disahkan oleh pesuruhjaya sumpah)

\*\* i- Bergeran ii- Tanah NCR iii-Rizab Orang Asli iv-Lain-lain(nyatakan).....

### C) PERAKUAN PEMOHON DAN PEMOHON BERSAMA

1. Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan Saya/Kami tidak menyembunyikan apa-apa maklumat. Jika ada mana-mana maklumat yang diberikan oleh Saya/Kami adalah tidak tepat atau mengelirukan atau berubah-ubah, samada sebelum permohonan ini diluluskan ataupun masih dalam pertimbangan, Saya/Kami akan memaklumkan mengenai perubahan maklumat tersebut kepada pihak Agrobank dengan segera. Sekiranya Saya/Kami gagal berbuat demikian, Saya/Kami faham bahawa pihak Agrobank berhak menarik balik pembiayaan ini.
2. Saya/Kami mengaku bahawa Saya/Kami bebas daripada apa-apa tindakan kebankrapan, tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan/atau mana-mana tindakan undang-undang.
3. Saya/Kami membenarkan pihak Agrobank menghubungi majikan atau mana-mana pihak untuk mendapatkan sebarang keterangan mengenai diri.
4. Saya/Kami dan seterusnya membenarkan mereka memberi keterangan yang diperlukan oleh pihak Agrobank.
5. Saya/Kami dengan ini membenarkan Agrobank dan pegawai yang diberi kuasa untuk mengesahkan maklumat kredit peribadi Saya/Kami dan menjalankan pemeriksaan kredit dengan CTOS Data System Sdn Bhd ("CTOS") atau Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("CCRIS") atau mana-mana platform semakan kredit yang mana maklumat yang diperolehi hanya boleh digunakan untuk tujuan permohonan pembiayaan sahaja. Selaras dengan Perenggan 4 ini, Saya/Kami dengan ini membenarkan CTOS atau mana-mana platform semakan kredit lain untuk mendedahkan apa-apa maklumat dan/atau data yang berkaitan dengan Saya/Kami sebagaimana yang diperlukan untuk Agrobank untuk tujuan yang tersebut di atas.
6. Saya/Kami dengan ini bersetuju membenarkan Agrobank memberi atau mendedahkan maklumat berkenaan pembiayaan atau penerima biaya kepada Bank Negara Malaysia termasuk Biro Kredit kepada mana-mana ejen yang dilantik oleh Agrobank dari semasa ke semasa atau kepada mana-mana Agensi Kerajaan yang Agrobank fikirkan perlu bagi tujuan dan berkaitan dengan kuatkuasaan dan pengekalan hak Agrobank yang dinyatakan di sini.  
**Nota: Pelanggan pada bila-bila masa adalah dibolehkan untuk membatalkan kebenaran ini secara bertulis.**
7. Saya/Kami mengaku bahawa Saya/Kami tidak mempunyai pinjaman/pembiayaan di Institusi Kewangan lain selain dari maklumat yang diberikan di atas. Jika apa-apa maklumat yang diberikan oleh Saya/Kami di atas menjadi tidak tepat atau terdapat apa-apa perubahan penting dengan cara apa jua, sama ada sebelum permohonan ini diluluskan atau ketika permohonan pembiayaan ini belum selesai, Saya/Kami dengan ini mengaku janji untuk memaklumkan pihak Bank tentang perubahan itu dengan serta-merta.
8. Saya/Kami faham iaitu dengan mengemukakan permohonan pembiayaan ini tidak semestinya Saya/Kami berhak mendapat pembiayaan ini.
9. Saya/Kami bersetuju supaya penyempurnaan dokumen pembiayaan ini dikendalikan oleh pihak Agrobank dan bersedia untuk membayar berkaitan sepertimana yang dimaklumkan oleh pihak Agrobank.
10. Saya/Kami dengan ini memberi kebenaran kepada Agrobank untuk memproses data peribadi dan/atau maklumat kewangan Saya/Kami bagi permohonan ini dan memproses data peribadi Saya/Kami mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (mana-mana yang terpakai). Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa Saya/Kami telah membaca terma-terma polisi Perlindungan Data Peribadi ("Polisi PDP") yang juga boleh diakses melalui [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my). Sekiranya Saya/Kami memerlukan salinan terma Polisi PDP tersebut dan/atau sekiranya Saya/Kami memerlukan sebarang penjelasan lanjut berkenaan mana-mana terma Polisi PDP tersebut, Saya/Kami boleh mendapatkan bantuan sewajarnya daripada pihak Agrobank sebelum Saya/Kami bersetuju dengan transaksi ini. Saya/Kami bersetuju untuk mematuhi terma Polisi PDP dan segala pindaan akan datang sebelum menerima dan mengambil pembiayaan ini.  
**Nota: Sila lengkapkan Borang Pilihan Keluar yang disediakan sekiranya anda tidak membenarkan data peribadi anda diproses untuk tujuan-tujuan lain.**
11. Saya/Kami dengan ini mengesahkan akan menggunakan wang pembiayaan ini untuk kegunaan perniagaan/projek ini sahaja.
12. Saya/Kami ingin/tidak ingin menerima komunikasi dan dengan ini Saya/Kami bersetuju dan memberi kebenaran/tidak bersetuju dan tidak memberi kebenaran untuk menzahirkan nama dan butiran Saya/Kami kepada Agrobank bagi tujuan pemasaran dan promosi melalui cara komunikasi seperti yang dinyatakan di bawah:

Pos  Ya  Tidak E-mel  Ya  Tidak  
 Telefon  Ya  Tidak Medium Pesanan Ringkas  Ya  Tidak

13. **Politically Exposed Person (PEP)\***

Adakah anda seorang PEP atau ahli keluarga merupakan PEP\*\* atau kenalan yang merupakan PEP? Jika YA, sila lengkapkan pengesahan di bawah:

BIL.	NAMA	PERTALIAN DENGAN PELANGGAN

\* PEP :-

Individu yang atau diamanahkan dalam memegang jawatan awam yang penting di dalam negara atau peringkat antarabangsa.

\*\* Ahli keluarga PEP:-

Mereka yang dijangka akan mempengaruhi atau dipengaruhi oleh PEP, serta berkait rapat dengan PEP termasuk suami/isteri (pasangan), anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka.

14. Saya/Kami mengesahkan bahawa Saya/Kami telah dimaklumkan berhubung Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kemudahan Pembiayaan Mikro Di Agrobank yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang sama juga telah dipaparkan di lama sesawang Agrobank. di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my). Sekiranya Saya/Kami memerlukan salinan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kemudahan Pembiayaan Mikro Agrobank tersebut dan/atau sekiranya Saya/Kami memerlukan sebarang penjelasan lanjut berkenaan mana-mana Terma dan Syarat tersebut, Saya/Kami boleh mendapatkan bantuan sewajarnya daripada pihak Agrobank sebelum Saya/Kami bersetuju dengan transaksi ini. Saya/Kami bersetuju untuk mematuhi semua Terma dan Syarat tersebut sekiranya permohonan pembiayaan Saya/Kami diluluskan oleh Agrobank. Saya/Kami dengan ini faham dan bersetuju bahawa sebarang keputusan berhubung permohonan pembiayaan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Agrobank dan keputusan tersebut adalah muktamad.

15. Sehubungan dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai Kemudahan Pembiayaan dengan Pihak Berkaitan (Connected Parties), Saya/Kami \_\_\_\_\_ (Nama Pelanggan) dan No.Kad Pengenalan \_\_\_\_\_ dengan ini mengisytiharkan seperti berikut:

Saya/Kami pihak yang tidak mempunyai kaitan dengan pihak Agrobank.

Saya/Kami pihak yang mempunyai kaitan dengan pihak Agrobank.

**Pihak yang berkaitan dengan Agrobank jika, Saya/Kami adalah:**

- (a) pengarah<sup>1</sup> Agrobank atau saudara<sup>4</sup> terdekatnya;
- (b) pengurusan kanan<sup>2</sup> Agrobank atau saudara<sup>4</sup> terdekatnya;
- (c) pegawai<sup>3</sup> Agrobank atau saudara<sup>4</sup> terdekatnya;
- (d) pihak yang mana disenaraikan di dalam (a) - (c) memberikan jaminan.

**Definisi:**

<sup>1/</sup> Pengarah bermaksud semua ahli Lembaga Pengarah

<sup>2/</sup> Pengurusan kanan bermaksud Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan semua Ketua Bahagian

<sup>3/</sup> Pegawai bermaksud kakitangan yang bertanggungjawab meniai, meluluskan, menyemak dan membantu kemudahan pembiayaan

<sup>4/</sup> Saudara terdekat mendefinisikan sebagai:

- (a) Pasangan;
- (b) Tanggungan pasangan
- (c) Anak (termasuk anak tiri dan anak angkat);
- (d) Suami (isteri) kanak-kanak itu;
- (e) Ibu bapa;
- (f) Abang atau kakak;
- (g) Suami/isteri kepada saudara lelaki atau perempuan;
- (h) Ibu bapa dalam undang-undang.

<sup>5/</sup> Kawalan mentakrifkan sebagai:

- (a) mengawal lebih daripada 50% hak mengundi
- (b) memegang lebih daripada 50% daripada modal saham terbitan sama ada secara langsung atau tidak langsung (tidak termasuk saham)
- (c) mengawal komposisi lembaga pengarah;
- (d) mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memecat semua atau sebahagian besar lembaga pengarah;
- (e) mengawal pemegang saham mengawal DFI; atau
- (f) ialah seseorang yang menurut arahan atau arahnya, pengarah DFI atau syarikat induknya biasa bertindak.

Saya/Kami memberikan, (dalam jadual) maklumat penuh mengenai pihak Saya/Kami yang berkaitan:

NO.	NAMA KAKITANGAN	JABATAN	HUBUNGAN

Saya/Kami mengaku bahawa maklumat yang dikemukakan bersama ini adalah tepat dan lengkap, sepanjang pengetahuan Saya/Kami.

Saya/Kami berjanji untuk mengisytiharkan kepada Bank dengan serta-merta secara bertulis jika Saya/Kami adalah pihak yang berkaitan dengan Agrobank. Saya/Kami faham bahawa jika saya adalah pihak yang berkaitan dengan Agrobank, Agrobank mungkin tidak dapat memberikan/meneruskan kemudahan pembiayaan kepada Saya/Kami

Bank berhak untuk membatalkan kemudahan sekiranya Saya/Kami gagal untuk membuat perakuan yang wajar atau tepat yang mengakibatkan Bank menyalahi Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Tandatangan Pemohon

\_\_\_\_\_  
Tarikh \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

SENARAI SEMAKAN PENERIMAAN DOKUMEN

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

TARIKH

1. Salinan Kad Pengenalan Pemohon*	<input type="checkbox"/>	<input type="text"/>
2. Salinan Kad Pengenalan Isteri/Suami Pemohon*	<input type="checkbox"/>	<input type="text"/>
3. Salinan Geran Tanah ATAU dokumen pengesahan pemilikan tanah oleh jabatan berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="text"/>
4. Dokumen persetujuan serah kuasa pengurusan tanah perlu disertakan bagi tanah warisan/perkongsi. (Dokumen perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah)	<input type="checkbox"/>	<input type="text"/>
5. Salinan Lesen MPOB	<input type="checkbox"/>	<input type="text"/>
6. Lain-lain Dokumen sokongan	<input type="checkbox"/>	<input type="text"/>

\* Dokumen berkaitan perlu disertakan bersama salinan asal bagi tujuan pengesahan Bank

PERAKUAN KAKITANGAN

PENGESAHAN PIHAK BERKAITAN (CONNECTED PARTY) OLEH KAKITANGAN BERTUGAS

Komen:

---

---

1. Pihak Berkaitan (Connected Parties)
2. Kakitangan - Pihak yang tidak Berkaitan (Non CP)
3. Lain-Lain: Bukan Kakitangan

[Nota: Carian Connected Party (CP Search) perlu disertakan semasa permohonan dihantar kepada kuasa melulus dan disimpan untuk tujuan rekod]

AKUAN KAKITANGAN

Saya/Kami dengan ini mengaku janji bahawa:

- Sepanjang pengetahuan dan kepercayaan Saya/Kami, semua maklumat yang telah dikemukakan adalah benar dan tepat dan semua dokumen yang ditunjukkan atau disebut dalam cadangan, jika berkaitan, telah disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab kerana
  - telah disemak terhadap dokumen asal; dan
  - lengkap dan teratur.
- Penilaian ke atas Pelanggan telah dijalankan oleh Saya/Kami secara bebas tanpa sebarang pengaruh atau konflik kepentingan, tidak berat sebelah dan penuh integriti, menurut polisi dan manual Bank yang berkaitan.
- Saya/Kami tidak mempunyai kepentingan/hubungan dengan pelanggan atau pengarahnya/penjamin/pemegang saham.
- Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa sebarang penyembunyian atau salah nyata maklumat atau penyalahgunaan atau penyalahgunaan kuasa yang diberikan kepada Saya/Kami akan dikenakan tindakan tatatertib.

Tandatangan

Cop Jawatan

\_\_\_\_\_  
Tarikh \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_





